

SULIT

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL 4

HADITH-HADITH MENGENAI PEMBERSIHAN ROHANI

JANUARI 2019

MASA : 1 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

- 1. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.*
- 2. Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) soalan dan setiap soalan mempunyai 25 markah.*
- 3. Calon dikehendaki menjawab SATU (1) soalan sahaja.*
- 4. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak termasuk muka hadapan.

**[Lihat Halaman Sebelah
SULIT**

Arahan : Sila Jawab SATU (1) Soalan Sahaja

1. Baca hadith berikut dan jawab semua soalan di bawahnya.

عَنْ شَقِيقٍ قَالَ: قَالَ عَبْدُ اللَّهِ: مَنْ هَاجَرَ يَبْتَغِي شَيْئًا؛ فَهُوَ لَهُ، قَالَ: هَاجَرَ رَجُلٌ لِيَتَزَوَّجَ
امْرَأَةً يُقَالُ لَهَا أُمُّ قَيْسٍ، وَكَانَ يُسَمَّى مُهَاجِرَ أُمِّ قَيْسٍ

Daripada Shaqiq dia berkata: "Telah berkata Abdullah bin Mas`ud: "Sesiapa yang berhijrah kerana menginginkan sesuatu maka sesuatu itulah miliknya". Berkata Ibnu Mas`ud "Ada seorang lelaki telah berhijrah untuk berkahwin dengan seorang wanita yang dikenali sebagai Ummu Qais. Kerana itu dia dinamakan sebagai Muhajir Ummu Qais (yang berhijrah kerana Ummu Qais).

(Riwayat Tabarani)

- (a) Perkataan *مُهَاجِرَ أُمِّ قَيْسٍ* Muhajir Ummu Qais menggambarkan hadith riwayat Bukhari *إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ* Sesungguhnya hanyasanya amalan itu dengan niat merujuk kepada orang yang sama. Huraikan pendapat ulama tentang ini.

(5 markah)

- (b) Huraikan perkara berikut:

(i) *Sanad gharib* pada hadith *إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ*.

(5 markah)

(ii) Takrif *niat* dari sudut bahasa.

(5 markah)

- (c) Terangkan bagaimana *niat* mempunyai hubungan dengan *tazkiah nafs*.

(10 markah)

2. Baca hadith berikut dan jawab soalan yang diberikan.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ حَضِرَةٌ... فَاتَّقُوا الدُّنْيَا

Daripada Abu Sa`id Al Khudri daripada Nabi saw baginda bersabda: Sesungguhnya dunia itu enak dan cantik.....maka takutilah kamu dunia! (Hadith Muslim)

(a) Huraikan bagaimana hadith ini mempunyai kaitan dengan maqam zuhud.

(5 markah)

(b) Berikan kritikan anda terhadap takrif zuhud menurut Ibn Taimiyah.

(10 markah)

(c) Sebutkan **empat (4)** faedah zuhud dari segi kerohanian.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

**[Lihat Halaman Sebelah
SULIT**